

## **4 Perkara Penting untuk Tindakan KPWKM**

### **Syor dari Jaringan Rakan Ibu Tunggal**

#### **1. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)**

Mengikut anggaran kami, sebuah keluarga 5 anggota yang terdiri dari 4 Orang anak (2 di sekolah rendah, satu di tadika, satu di rumah asuhan) dan Seorang ibutunggal memerlukan lebih dari RM1700 untuk keperluan hidup sebulan. Ini termasuk perbelanjaan makanan (contohnya, RM3.00 sehari untuk sayur, RM8.00 untuk ikan kecil seminggu, buah-buahan RM5.00 adalah amat rendah). Perbelanjaan yang asas yang lain adalah sewa (RM250.00), pengangkutan kesekolah(RM180.00), perbelanjaan perubatan dan bayaran klinik(RM100), tuisyen(RM160)dan kos-kos lain.

Justeru itu, kita berpendapat penggunaan PGK RM920 adalah tidak jitu dan Realistic lagi dan perlu diselaraskan setimpal dengan kos hidup semasa. Maka sebab itulah kami mencadangkan PGK yang setimpal kos hidup kini serta ambil kira bilanganan anak-anak dibawah 18 tahun. Pendapatan per kapita adalah lebih wajar.

#### **2. Pusat Penjagaan untuk Kanak-kanak berumur 0 hingga 12 tahun**

Kami mencadangkan bahawa pihak KPWKPM menguruskan penjagaan kanak-kanak di antara umur 0 hingga 12. Ini termasuk suasanah untuk kumpulan

- i) Kanak-kanak 0 hingga 3 tahun
- ii) Kanak-kanak 4 hingga 6 tahun: Kehadiran dalam Tadika Komuniti berkualiti dan penjagaan selepas waktu Tadika
- iii) Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun: penjagaan selepas waktu sekolah serta bantuan "home work"

Penjagaan kanak-kanak amatlah penting bagi membolehkan ibu bekerja dan kanak-kanak mempunyai tempat yang selamat sehingga ibu balik dari tempat kerja.

#### **3. KUOTA MEMBELI/MENYEWA RUMAH KOS RENDAH KEPADA IBU TUNGGAL**

Kami mencadangkan golongan ibutunggal miskin diberikan sokongan Dan keutamaan untuk membeli rumah kos rendah pada harga Istimewa dan bukannya bergantung kepada harga pasaran terbuka. Sebilangan unit dalam setiap projek rumah kos rendah juga boleh Diperuntukkan sebagai skim sewa beli kepada ibutunggal dengan

Bayaran ansuran mudah. Ibutunggal boleh juga diberi pilihan untuk membayar sewa pada kadar yang nominal.

#### **4. Peruntukan bajet yang lebih tinggi**

Kementerian memerlukan sumber kewangan yang lebih tinggi untuk menambahbaikkan bantuan ibu tunggal.Oleh itu KPWKM perlu memperuntukkan bajet yang lebih tinggi bagi menangani masalah ibutunggal miskin serta anak-anak mereka.

**Kami berharap empat perkara ini boleh di laksanakan dan kami sedia untuk perbincangan selanjutnya.**

Disediakan oleh:

Veronica Anne Retnam  
JaringanRakan Ibu Tunggal  
140, Jalan Sultan Abdul Samad  
50740 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
Tel: 016-6687900  
22 Oktober 2018